

Ramai sakit buah pinggang akibat produk tak daftar

PETALING JAYA – Waspada dengan produk suplemen atau ubat tahan sakit yang tidak berdaftar.

Pakar Perunding Nefrologi Universiti Putra Malaysia berkata, terdapat kenaikan trend masalah buah pinggang disebabkan pengambilan suplemen tidak berdaftar.

"Trend masalah buah pinggang akibat penggunaan suplemen tidak berdaftar ini dilihat semakin meningkat, namun kita masih belum mempunyai jumlah sebenar."

"Rata-rata yang mengambil produk-produk ini menghidap gout yang juga salah satu punca penyakit buah pinggang," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Ujarnya, Malaysia merekodkan antara 7,000 ke 8,000 pesakit buah pinggang setiap tahun.

"Sehingga kini, Malaysia mempunyai kira-kira 50,000 pesakit yang sedang menjalani rawatan dialisis.

"Diabetes menyumbang 65 peratus daripada jumlah pesakit buah pinggang, manakala darah tinggi kira-kira 30 peratus. Selebihnya disebabkan penyakit genetik berkaitan buah pinggang, radang buah pinggang dan batu karang," katanya.

Ujarnya, ia berbalik kepada

Penyakit buah pinggang

- Merupakan organ yang menapis lebihan yang tidak diingini serta mengawal cecair secara optimum
- Kencing manis dan darah tinggi antara punca penyakit buah pinggang
- Fungsi buah pinggang juga berkurangan dan saiznya semakin mengecil selepas umur 30 tahun
- Risiko kegagalan buah pinggang termasuk risiko toksin dan kesan sampingan dadah atau ubat-ubatan ke atas buah pinggang
- Selain itu, risiko isipadu air yang berlebihan, dehidrasi, kekurangan natrium, terlebih kalium dan asidosis
- Kegagalan buah pinggang secara kekal tidak boleh dipulihkan, namun dapat dikurangkan dengan mengawal diabetes, darah tinggi serta gaya hidup sihat

penjagaan kesihatan dengan pemakanan yang baik dan gaya hidup sihat.

"Tidak menjaga makanan, obesiti dan semua yang memberi risiko kepada kencing manis, memberi risiko kepada buah pinggang.

"Masalah buah pinggang tidak boleh dirawat kecuali melalui dialisis dan pemindahan buah pinggang," tambahnya.